

UMNO - KEPIMPINAN

KUALA LUMPUR, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM SEGOLONGAN PEMIMPIN UMNO YANG MEMPERMAIN-MAINKAN SLOGAN +KEPIMPINAN MELALUI TELADAN+ DENGAN MENUNJUKKAN TELADAN YANG NEGATIF.

KATA PRESIDEN UMNO ITU, SLOGAN-SLOGAN YANG TELAH DICIPTA SEPERTI +KEPIMPINAN MELALUI TELADAN+ BERTUJUAN UNTUK MENAIKKAN SEMANGAT RAKYAT SUPAYA AKAN WUJUD SEBUAH NEGARA YANG BERBAHAGIA KELAK.

TETAPI, KATANYA, KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI HARI INI, SEGELINTIR PEMIMPIN BUKAN CUBA MENUNJUKKAN TELADAN BAIK YANG BOLEH DICONTOKI OLEH RAKYAT SEBALIKNYA Mencari UNSUR-UNSUR YANG TIDAK BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMIMPIN-PEMIMPIN ADALAH MANUSIA BIASA JUGA YANG TIDAK TERLEPAS DARIPADA MEMBUAT KESILAPAN, TETAPI MEREKA HENDAKLAH CUBA MENUNJUKAN AMALAN YANG BAIK.

DALAM PADA ITU, PERDANA MENTERI MENYESALI SIKAP RAKYAT YANG HANYA MELIHAT KEBURUKAN SESEORANG PEMIMPIN, WALAUPUN SATU, SEDANGKAN MUNGKIN SEMBILAN YANG LAIN PERBUATAN-PERBUATAN YANG BAIK-BAIK BELAKA.

-- LAGI.

1359MST 29 09 85

UMNO - KEPIMPINAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MAHUKAN RAKYAT MEMILIH PERBUATAN-PERBUATAN BAIK PEMIMPIN UNTUK DITONJOLKAN MANAKALA YANG KERUH HENDAKLAH DIBUANG.

SECARA BERSELOROH BELIAU MEMBERI CONTOH BAGAIMANA PARA WAKIL MEMBANGKITKAN PERKARA MENTERI-MENTERI TIDAK MENAIKI KERETA NASIONAL, PROTON SAGA SEPERTI YANG DILAKUKANNYA (MAHATHIR) UNTUK DATANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG INI.

MISALNYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, DATUK RAIS YATIM (MENTERI PENERANGAN DAN SEORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI) DATANG MENAIKI PROTON SAGANYA BERWARNA MERAH TETAPI TIDAK MENDAPAT PERHATIAN RAMAI.

TIMBALAN PRESIDEN PARTI DATUK MUSA HITAM TIDAK DATANG DENGAN PROTON KERANA KERETA ITU DIBELINYA UNTUK ANAKNYA YANG TIDAK DATANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN INI.

+SAYA LEBIH BERNASIB BAIK, KERETA NASIONAL ITU SAYA BELI UNTUK ISTERI SAYA. ISTERI SAYA DATANG UNTUK MENYAKSIKAN PERHIMPUNAN DAN SAYA AMBIL KESEMPATAN UNTUK MENUMPANG DATANG KE SINI,+ KATANYA SAMBIL DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA OLEH 3,500 ORANG WAKIL. -- LAGI.
1405MST 29 09 85

UMNO - KEPIMPINAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI SUNGUTAN SESETENGAH WAKIL YANG MAHUKAN PARA MENTERI JANGAN MERAPATKAN DIRI DENGAN SEBARANG GOLONGAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MENTERI-MENTERI TERMASUK BELIAU SENDIRI, MEMANG TIDAK SUKA DIDAPATI OLEH MANA-MANA PIHAK SUPAYA APA JUA KEPUTUSAN YANG DIBUAT TIDAK AKAN DIPENGARUHI OLEH SESIAPA PUN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PARA MENTERI SENTIASA BERSEEDIA MENERIMA SESIAPA JUGA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH RAKYAT. -- BERNAMA
1406MST 29 09 85